

14 unit fasa satu projek Resort Villa habis dijual


Seremban: Projek Resort Villa yang dibangunkan Matrix Concepts Holding Berhad (Matrix Concepts) di Bandar Sri Sendayan menerima sambutan apabila 14 unit fasa satu habis dijual dalam masa tiga bulan selepas dilancarkan April tahun lalu.

April tahun ini, pemaju melancarkan fasa kedua dengan menawarkan sebanyak 20 lagi unit banglo dua tingkat yang direka dengan teliti menggabungkan ciri keanggunan, keselesaan dan ketenangan yang mewah.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Chai Keng Wai, berkata projek yang dijangka siap sepenuhnya pada 2026 itu mempunyai anggaran nilai pembangunan kasar sebanyak RM135.9 juta.

"Pembangunan pegangan bebas seluas 16 ekar ini menawarkan tiga jenis susun atur bagi projek dua fasa yang dijangka siap pada pertengahan 2026. Fasa kedua baru dilancarkan bulan ini."

"Projek didatangkan dengan ciri mesra alam seperti pemanas air suria dan sistem air hujan penuaian. Ini kerana kami



Keng Wai (empat dari kiri) bersama pengamal media pada Majlis Apresiasi Media Matrix Concepts di pekarangan Resort Villa, Bandar Sri Sendayan.

(Foto Ahmad Hasbi/BH)

bukan hanya membina rumah, malah sedang membina masa depan mamparn dan memperkenalkan kemewahan serta gaya hidup yang tiada tandingan," katanya ketika berucap pada

Majlis Apresiasi Media Matrix Concepts, dekat sini, malam kelmarin.

Terdahulu, beliau hadir pada Majlis Apresiasi Media Matrix Concepts di perkarangan villa

berkenaan bagi menghargai pengamal media yang sentiasa bekerja rapat dengan syarikat korporat itu.

Mengenai kawalan keselamatan, Keng Wai berkata, pi-

haknya mengutamakan ketenangan fikiran pelanggan yang menawarkan ciri keselamatan premium dengan sistem rumah pintar canggih.

"Penduduk boleh menikmati langkah keselamatan lanjutan termasuk sistem pengecaman nombor pendaftaran di pintu masuk, rondaan keselamatan sepanjang masa dan sistem penggera keselamatan lengkap dengan butang panik serta penderia magnet dan getaran yang tersedia di setiap rumah," katanya.

Beliau berkata, banglo dua tingkat dengan keluasan binaan antara 6,839 hingga 7,749 kaki persegi itu turut dilengkapi dengan tiga jenis susun atur berbeza.

"Resort Villa terletak di tengah-tengah Bandar Sri Sendayan dan ia lambang kemudahan serta kehidupan mewah. Ia dilengkapi sekolah terkemuka, kemudahan rekreasi bertaraf dunia, rumah kelab dan hub komersial yang anda mungkin inginkan tepat di depan pintu," katanya.